

Nombor telefon data peribadi paling berharga

Jun 28, 2022 @ 7:51pm



Sindiket penipuan mendapat nombor telefon daripada kumpulan WhatsApp. - Foto hiasan NSTP

PUTRAJAYA: Nombor telefon ialah data peribadi yang paling berharga ketika ini dan berisiko digunakan oleh pihak tidak bertanggungjawab untuk mengaut keuntungan atau menganiaya seseorang.

Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi, Mazmalek Mohamad, berkata penduduk negara ini tidak wajar menyertai pelbagai kumpulan WhatsApp yang tidak berfaedah, bagi mengelak berlaku perkongsian nombor telefon tanpa disedari.

"Kadang-kadang kita tidak kenal semua ahli kumpulan. Tanpa kita sedari, ada di antara ahli kumpulan secara diam-diam kongsi nombor telefon kita dengan orang lain.

Apabila semua nombor telefon dalam kumpulan itu dikongsi dengan 'scammer' atau agensi telepemasaran, mereka akan tinggalkan kumpulan WhatsApp dan sertai kumpulan lain pula," katanya taktik berkenaan memudahkan sindiket penipuan atau telepemasaran memiliki nombor telefon secara mudah.

Menurut Kaji Selidik Pengguna Internet 2020 yang dijalankan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC), katanya, 98.7 peratus rakyat negara ini memilih aplikasi WhatsApp sebagai medium komunikasi utama. Mazmalek dalam pada itu berkata, pindaan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 dijangka dibentangkan di Parlimen pada Oktober ini dan kini dalam proses semakan oleh Jabatan Peguam Negara.

Namun, katanya, terpulung kepada Menteri Komunikasi dan Multimedia, Tan Sri Annuar Musa untuk menentukan tarikh yang sesuai untuk dibentangkan pindaan itu di Parlimen.

Pada 12 Februari 2020, Kementerian Komunikasi dan Multimedia dilaporkan menjalankan rundingan awam berhubung cadangan pindaan akta berkenaan, bagi memperkasa perlindungan data peribadi di Malaysia, di samping memastikan akta berkenaan selari dengan kehendak revolusi ekonomi digital, teknologi, sosial dan perkembangan persekitaran. – BERNAMA